



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)
KEPONG, 52109 SELANGOR DARUL EHSAN**

Ruj Kami/ Our Ref: FRIM500-2/2/1(13)

Tarikh : 16.03.2015

Ruj Tuan/ Our Ref:

IKLAN JAWATAN KOSONG KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL SIRI 1/2015

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

1. (a) **JAWATAN** : **PEGAWAI PENYELIDIK GRED Q41**
- (b) **BIDANG** : Sains dan kejuruteraan
- (c) **TARAF
JAWATAN** : TETAP/KONTRAK
- (d) **JADUAL GAJI:** RM 2,146.00 (Minimum) – RM 8,718.00 (Maksimum)
- (e) **KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN** : RM225.00
- (f) **IMBUHAN** :
 - (i) Tetap Khidmat Awam : RM300.00
 - (ii) Tetap Perumahan : RM250.00
 - (iii) Bantuan Sara Hidup : RM300.00

(g) SYARAT LANTIKAN :

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (iii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41 : RM2,146.00); atau
- (iv) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41 : RM2,353.44); atau

- (v) Ijazah Sarjana dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41 : RM2664.78); atau
 - (vi) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang sains daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41 : RM2976.11)
- dan lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(h) SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN :

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penyelidik adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Penyelidik Gred Q41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas;
- (ii) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan; dan
- (iii) Telah disahkan dalam perkhidmatan.

(g) PENGALAMAN BEKERJA

Pengalaman bekerja sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam tugas-tugas penyelidikan dan pembangunan (R&D), memberi perkhidmatan kepakaran dan penerbitan artikel, jurnal, buku dalam bidang yang berkaitan adalah diutamakan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan dalam talian yang boleh diakses di laman sesawang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian FRIM <http://www.frim.gov.my/careers/> akan diproses.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 17 April 2015 (Jumaat)

CATATAN AM

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.